

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN
(SELAYANG)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN [SELAYANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan menyenaraikan surat-surat keselesaan dan aku janji yang diberikan oleh Kerajaan untuk pinjaman yang diambil oleh agensi-agensi kerajaan atau syarikat-syarikat berkaitan Kerajaan atau entiti swasta dan jumlah pinjaman atau kemudahan Kewangan yang tidak disenaraikan sebagai liabiliti luar jangka Kerajaan di dalam penyata Kewangan 2013.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini, Kerajaan melalui Kementerian Kewangan tidak mengeluarkan surat sokongan, surat

keselesaian dan surat aku janji yang memberi implikasi kewangan secara *explicit* kepada Kerajaan. Bagaimanapun, Kerajaan telah mengeluarkan satu surat sokongan kepada sebuah syarikat Kerajaan yang memberi implikasi kewangan kepada Kerajaan. Namun demikian, syarikat tersebut secara *explicit* perlulah menggunakan kesemua aset-asetnya terlebih dahulu sekiranya ia mungkir, sebelum surat sokongan Kerajaan menjadi efektif.